



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8**  
*Level 8, Block E8*  
**KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E**  
*Government Complex Parcel E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 8 (32)  
Tarikh : 09 Mac 2023

**Semua Ketua Bahagian**  
**Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**BILANGAN 5 TAHUN 2023**

**PENGURUSAN MINGGU PERTAMA PERSEKOLAHAN MULAI SESI AKADEMIK**  
**TAHUN 2023/2024 KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

## **TUJUAN**

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pengurusan Minggu Pertama Persekolahan Mulai Sesi Akademik Tahun 2023/2024 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

## **LATAR BELAKANG**

2. Pengurusan pembukaan sekolah KPM bagi setiap sesi akademik sewajarnya berjalan dalam suasana ceria, mesra dan selamat. Perkara ini selaras dengan hasrat KPM untuk melahirkan Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) dan sekali gus mewujudkan suasana "Murid Ceria, Guru Bahagia, Sekolah Bitara dan Negara Sejahtera". Minggu pertama persekolahan seharusnya dimanfaatkan dengan pelaksanaan program/aktiviti menyeronokkan yang dapat menyokong murid dan guru bersedia sepenuhnya dari aspek sosioemosi dan mental untuk melaksanakan proses pendidikan formal.



3. Program/Aktiviti di sekolah pada minggu pertama sesi persekolahan akan mempengaruhi adab, akhlak dan motivasi murid dalam pembentukan sahsiah berdasarkan aspek *karamah insaniah*. Pihak pentadbir sekolah bertanggungjawab memupuk semua nilai baik yang menjadi teras kemenjadian murid khususnya minat murid untuk hadir ke sekolah. Kerjasama semua pihak seharusnya digembleng termasuk dari segi sumber dan idea pelaksanaan untuk mewujudkan hubungan mesra antara murid dengan murid, murid dengan guru, guru dengan guru, guru dengan ibu bapa dan sekolah dengan komuniti.

4. Mesyuarat Pengurusan Pendidikan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2023 pada 26 hingga 28 Februari 2023 telah memperakukan pelaksanaan pengurusan pembukaan sekolah mulai sesi akademik tahun 2023/2024.

### **PELAKSANAAN**

5. Program/Aktiviti minggu pertama pembukaan sekolah hendaklah dilaksanakan di sekolah KPM pada setiap sesi akademik yang baharu bermula sesi akademik tahun 2023/2024.

6. Konsep pengisian program/aktiviti minggu pertama pembukaan sekolah adalah seperti yang berikut:

- 6.1. mewujudkan suasana ceria, selamat, bermakna dan terancang;
- 6.2. mempunyai nilai pendidikan dan berinformatif;
- 6.3. merupakan sebahagian pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang dapat memupuk nilai;
- 6.4. mewujudkan komunikasi berkesan melibatkan murid, guru, ibu bapa atau penjaga dan komuniti;
- 6.5. memupuk sikap bekerjasama dan persefahaman yang erat antara murid, guru, ibu bapa atau penjaga dan komuniti; dan
- 6.6. memupuk perpaduan dalam kalangan murid pelbagai kaum dan latar belakang sosioekonomi.

7. Program Transisi Tahun Satu 2.0 bagi murid Tahun 1 dan program sekolah penyayang hendaklah diteruskan dan disesuaikan dengan konsep seperti perkara 6. Program yang bersifat mendidik berkaitan dengan budaya sekolah, kurikulum, hal ehwal murid dan kokurikulum juga boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian.

8. Pihak sekolah hendaklah melaksanakan program/aktiviti ini bermula pada hari pertama persekolahan. Jumlah hari dan pengisian program/aktiviti sepanjang tempoh minggu pertama persekolahan adalah berdasarkan kesesuaian enrolmen, kemudahan, keperluan dan lokaliti sekolah. Pihak sekolah hendaklah mengadakan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan dan merancang kaedah yang bersesuaian bagi melaksanakan program/aktiviti minggu pertama persekolahan.

9. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dimulakan selepas program/aktiviti ini selesai dilaksanakan.

#### **TARIKH KUAT KUASA**

10. SPI ini **berkuat kuasa serta-merta** mulai tarikh SPI ini dikeluarkan.

#### **PEMBATALAN**

11. Dengan berkuat kuasa SPI ini, maka *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.13/1989: Pengurusan Hari Pertama Persekolahan* bertarikh 13 Disember 1989 **terbatal**.

#### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

12. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan institusi pendidikan bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menandatangani amanah,

  
**(DATO' HAJJ PKHARUDDIN BIN HAJI GHAZALI)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. YB Timbalan Menteri Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  3. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  4. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia